uum/DD49/um/10.10.2005/p: 26 (1)

18,299 pelajar UUM duduki peperiksaan

um 10/10/05 26:1

SINTOK 9 Okt – Seramai 18,299 pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menduduki Peperiksaan Akhir Semester Pertama Sesi 2005/2006 bermula esok (11 Oktober) ini hingga 30 Oktober.

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Akademik (JHEA) UUM, Baharudin Yaacob berkata, mereka yang bakal mengambil peperiksaan adalah pelajar yang mengikuti pengajian peringkat ijazah sarjana muda dalam 34 program yang ditawarkan.

Katanya, daripada jumlah itu, 1,349 adalah pelajar program kerjasama UUM dengan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) iaitu Kolej Yayasan Melaka (1,142), Institut Pengurusan Pujangga (92), Kolej Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (92) dan Kolej IKIP (23).

Lima puluh satu lagi bagi Program Khas Pendidikan Guru (PKPG) yang akan menduduki peperiksaan di Institut Perguruan Darul Aman (IPDA) dan 73 pelajar Program *Teaching English for Young Learnest* (TEYL) di Maktab Perguruan Pulau Pinang (MPPP).

"Peperiksaan kali ini melibatkan 538 kursus yang mempunyai peperiksaan akhir daripada 764 kursus yang ditawarkan.

"Seramai 70 orang Pembantu Peperiksaan dari JHEA dan fakulti telah dilantik untuk mengawasi pelajar sepanjang peperiksaan berlangsung yang akan berakhir 30 Oktober depan," kata Baharudin lagi.

Calon-calon diingatkan supaya membawa kad pintar dan slip pendaftaran peperiksaan semasa berada di bilik peperiksaan dan sentiasa merujuk jadual waktu, arahan-arahan serta amaran yang perlu dipatuhi serta etika pakaian universiti, ujarnya lagi.

Menurut beliau, keputusan peperiksaan dijangka diumumkan pada 25 November depan.